



## جابتني أقسام إسلام فيراق

JABATAN AGAMA ISLAM PERAK  
TINGKAT 3, KOMPLEKS ISLAM DARUL RIDZUAN  
JALAN PANGLIMA BUKIT GANTANG WAHAB  
30000 IPOH, PERAK DARUL RIDZUAN

Tel. : 05-208 4800  
Faks : 05-255 5512  
E-mail : jaipk@perak.gov.my

**Semua Pengerusi  
Jawatankuasa Kariah  
Masjid dan Surau Diri Jumaat**

Ruj. Kami: J.A.Pk.BPM.600-7/2/1(78)  
Tarikh: 18 Safar 1447H  
12 Ogos 2025M

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

YBhg Dato' Seri / Dato' / Tuan,

### HEBAHAN TEKS KHUTBAH JUMAAT DAN ARAHAN PEMATUHAN PEMBACAAN TEKS KHUTBAH YANG DIKELUARKAN JABATAN AGAMA ISLAM PERAK

Didoakan semoga YBhg Dato' Seri / Dato' / Tuan, berada di dalam rahmat Allah SWT dan diselubungi keindahan iman serta kemanisan amal. Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan Teks Khutbah Jumaat yang diedarkan dan akan dibacakan di seluruh negeri Perak bagi minggu ini adalah seperti berikut:

<b>Tarikh</b>	<b>15 Ogos 2025 / 21 Safar 1447</b>
<b>Tajuk</b>	<b>Memperkasa Peranan Masjid</b>

3. Sehubungan dengan itu, Jawatankuasa Kariah Masjid dan Surau Diri Jumaat hendaklah memastikan **semua Pegawai Masjid (Imam) dan khatib jemputan** yang mendapat kebenaran daripada pihak Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak, mematuhi arahan pembacaan Teks Khutbah Jumaat yang dikeluarkan oleh Jabatan Agama Islam Perak selaras dengan Peraturan-Peraturan Pegawai Masjid Negeri Perak 2018.

Kerjasama dan perhatian YBhg Dato' Seri / Dato' / Tuan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan diucapkan *jazakumullahu khairan kathira*.

**“MALAYSIA MADANI”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,

**(DATO' HAJI HARITH FADZILAH BIN HAJI ABDUL HALIM)**

Pengarah  
Jabatan Agama Islam Perak

s.k      Semua Pegawai Tadbir Agama Daerah

**“PERAK SEJAHTERA 2030”**



Amaran!

Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab terhadap sebarang penambahan ayat selain daripada kandungan khutbah yang dikeluarkan.

## "MEMPERKASA PERANAN MASJID"

15 Ogos 2025 / 21 Safar 1447

الْحَمْدُ لِلَّهِ<sup>1</sup> الَّذِي جَعَلَ فِي الْأَرْضِ مَسْجِدًا وَطَهُورًا، وَهُوَ الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ شَاهِدًا  
وَمُبَشِّرًا وَنَذِيرًا، وَدَاعِيًّا إِلَى اللَّهِ يَادِنِهِ وَسَرَاجًا مُنِيرًا. أَشْهُدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ الْوَاحِدُ  
الْقَهَّارُ، وَأَشْهُدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ الْمُخْتَارُ، اللَّهُمَّ صَلِّ وَسِلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ<sup>2</sup>  
وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ وَالْتَّابِعِينَ الْأَحْيَارِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ<sup>3</sup> وَصِنْكُومُ وَإِيَّايَ  
بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

### Jemaah yang dirahmati llahi

Marilah kita tingkatkan ketakwaan ke hadrat Allah SWT. Sesungguhnya takwa menjadi benteng utama dalam kehidupan, berupaya mengawal akal, hati, emosi dan tingkah laku, agar sentiasa berada di landasan yang mendapat keredaan llahi. Mimbar akan menyampaikan khutbah bertajuk:

## "MEMPERKASA PERANAN MASJID"

Firman Allah SWT, melalui ayat 18 Surah at-Taubah:

﴿إِنَّمَا يَعْمَلُ مَسَاجِدُ اللَّهِ مَنْ ءَامَنَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَأَقامَ الصَّلَاةَ وَءَاتَى الزَّكَوَةَ وَلَمْ  
يَخْشَ إِلَّا اللَّهَ فَعَسَى أَوْلَئِكَ أَنْ يَكُونُوا مِنَ الْمُهْتَدِينَ ﴾١٨﴾

Bermaksud: Hanya sanya yang layak memakmurkan (menghidupkan) masjid-masjid Allah itu ialah orang-orang yang beriman kepada Allah dan hari akhirat serta mendirikan sembahyang dan menunaikan zakat dan tidak takut melainkan kepada Allah, (dengan adanya sifat-sifat yang tersebut) maka adalah diharapkan mereka menjadi dari golongan yang mendapat petunjuk.

<sup>1</sup> Memuji Allah

<sup>2</sup> Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

<sup>3</sup> Pesan Taqwa



Masjid berasal daripada bahasa Arab bermaksud tempat bersujud. Masjid ialah tempat ibadat yang khusus seperti solat dan iktikaf bagi orang Islam. Masjid juga merupakan institusi sosial penting umat Islam, berperanan sebagai pusat kebudayaan, muamalat dan perkembangan dakwah Islamiah, serta pusat pelbagai kegiatan penting umat Islam. Semasa peristiwa hijrah, sebaik Baginda SAW sampai ke Madinah, Baginda terus membangunkan Masjid Quba, disusuli kemudiannya dengan Masjid Nabawi. Baginda meletakkan masjid sebagai pusat pelbagai kegiatan dan ibadah. Di samping menjadi tempat memenuhi ibadah fardu ain untuk bersolat, bermunajat, berdakwah dan bertalbiah, masjid turut menjadi pusat menguruskan tugas-tugas fardu kifayah seperti pemerintahan, tempat bermesyuarat, bermuhasabah dan mengadakan sumbang saran, juga tempat mengembangkan ilmu dan pengetahuan, kegiatan ekonomi, perdagangan dan perniagaan, kebajikan termasuk mengadakan latihan ketenteraan dan persenjataan.

Peranan masjid seharusnya tidak disempitkan, terbatas hanya kepada kegiatan ibadah berunsur fardu ain yang menghubungkan manusia dengan Allah. Di sebaliknya peranan masjid hendaklah diimbangkan dan diperluaskan, dilengkapi dengan kegiatan-kegiatan fardu kifayah yang mengaitkan hubungan manusia sesama manusia, dan hubungan manusia dengan masyarakat dan alam semesta yang luas. Masjid hendaklah diperkaya dengan pelbagai kegiatan yang dapat menarik minat pelbagai lapisan ahli kariah.

Masjid perlu disuntik dengan pengisian berbentuk roh keagamaan dan pengisian yang menghidupkan jiwa. Kegagalan melengkapi masjid dengan pengisian yang berjaya menarik minat ahli-ahli kariah, akan menyebabkan masjid menjadi bangunan yang sepi, lengang dan kosong sebaik selesai solat fardu; sedangkan antara sunnah penting Rasulullah SAW adalah menyeru ummah untuk setiap masa memakmurkan masjid dengan ibadah dan pelbagai kegiatan berfaedah.



Ayat 18 surah al-Taubah yang khatib bacakan pada awal khutbah, diikat dengan perkataan إِنَّمَا (Innama), merujuk kepada pihak tertentu yang berhak mengimarahkan masjid. Ummah yang mengimarahkan rumah Allah sama ada menunaikan solat lima waktu secara berjemaah, atau menghidupkan masjid dengan kegiatan-kegiatan bermanfaat adalah ummah terpuji, yang insya-Allah diberikan kemuliaan di hari akhirat, selaras dengan sabda Rasulullah SAW yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari, mafhumnya: salah satu golongan yang akan mendapat naungan Allah pada hari kiamat ialah seorang hamba yang hatinya selalu terpaut dengan masjid.

### **Jemaah yang dilimpahi rahmat llahi,**

Mimbar menyenaraikan 10 saranan untuk mengimarahkan masjid:

**Pertama:** Ditadbir secara harmoni dan bijaksana. Jawatankuasa kariah, hendaklah melakukan pemerhatian, menyelami keperluan ahli kariah lalu menganjurkan kegiatan-kegiatan yang memenuhi keperluan mereka merentasi warga emas, golongan dewasa, wanita, belia, pelajar dan kanak-kanak.

**Kedua:** Masjid sebagai pusat pengembangan ilmu. Alhamdulillah, dari sudut pengajian agama, pengajian takmir di masjid dan surau diri Jumaat di negeri Perak antara bulan Januari sehingga Julai 2025, mencatatkan 26,964 kelas, meliputi pengajian fardu ain menyentuh akidah, fiqah dan akhlak (tasawuf), tafsir, hadis dan sirah. Namun kegiatan pengembangan ilmu di masjid hendaklah lebih menyeluruh, dengan mempelbagaikan kandungan pengajian, merangkumi bidang-bidang kesihatan, pemakanan, pertanian, ekonomi, takaful, keselamatan, kesenian, sains dan teknologi dengan menjemput pakar-pakar dalam bidang-bidang tersebut mengisi program-program tazkirah dan ceramah.

**Ketiga:** Menguruskan dana kewangan masjid secara bijak untuk faedah ahli-ahli kariah dan masyarakat setempat. Sumbangan orang ramai bukan untuk dibiarkan kaku dalam tabung. Masjid bukannya sebuah bank untuk berbangga dengan akaun lebihan yang tidak dibelanjakan. Sumbangan orang ramai hendaklah



dibelanjakan untuk meningkatkan kemudahan-kemudahan demi keselesaan jemaah dan manfaat ahli-ahli kariah.

**Keempat:** Mengoptimumkan peranan dan kegunaan masjid serta kawasan masjid dengan menyediakan pelbagai kemudahan dan khidmat. Jadikan contoh, Masjid Nurussalam Gerik yang menerima anugerah Pengurusan Masjid Terbaik sempena sambutan Maal Hijrah 1447H atas usaha menyediakan rumah inap desa dan tandas yang bersih demi keselesaan orang ramai terutama para musafir. Jadikan contoh kegiatan 20 buah masjid di negeri Perak yang menjalankan kerjasama dengan Jabatan Alam Sekitar bergiat aktif dalam program kitar semula bahan-bahan buangan. Jadikan contoh 87 buah masjid dan 21 buah surau di negeri Perak yang telah menjalin kerjasama dengan Jabatan Pertanian Negeri Perak bergiat aktif menghasilkan sayur-sayuran dan buah-buahan.

**Kelima:** Menyediakan kemudahan dan menganjurkan program kelas bimbingan di sebalah petang atau pada hujung minggu untuk anak-anak pelajar dengan menjalinkan kerjasama dengan pertubuhan pelajar dan guru.

**Keenam:** Memperkenalkan kegiatan yang boleh menarik minat para belia mendampingi masjid dengan menganjurkan program seni mempertahankan diri, riadah, rebana dan kompong; dan kelas-kelas memasak dan berdandan kepada kaum wanita.

**Ketujuh:** Mengadakan taska untuk kanak-kanak.

**Kelapan:** Menyediakan tapak perniagaan dan perkhidmatan-perkhidmatan seperti dobi, peralatan mencuci dan mengering pakaian.

**Kesembilan:** Menyediakan pusat khidmat kaunseling agama dan keluarga.

**Kesepuluh:** Menyediakan bank makanan untuk membantu fakir miskin yang memerlukan.



## Jemaah Rahimakumullah

Mengimarahkan masjid merupakan tanggungjawab bersama setiap ummah sama ada secara kewangan, fikiran, tenaga dan masa. Pihak yang diamanahkan mentadbir urus masjid sedang memikul tugas mulia, menyempurnakan fardu kifayah untuk mengimarahkan rumah Allah. Laksanakan amanah dengan hati yang ikhlas. Pohonlah panduan dan bimbingan dari Allah SWT agar masjid berjaya diimarahkan, mencontohi pengimaran masjid pada zaman Rasulullah SAW, diisi dengan pelbagai kegiatan ilmu, kemasyarakatan dan kemanusiaan yang berjaya mengangkat martabat ummah.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفْعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ  
وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاقُتُهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ  
الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ  
وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



## Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ<sup>4</sup> حَمْدًا كَثِيرًا طَيْبًا مُبَارَكًا فِيهِ. أَشْهَدُ أَن لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ<sup>5</sup> وَعَلَى آئِلَّهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! إِتَّقُوا اللَّهَ<sup>6</sup> وَكُوْنُوا مَعَ الصَّادِقِينَ.

**Muslimin yang dirahmati Allah,**

Mimbar menyeru para jemaah agar tetap berpegang kepada aqidah Islamiah berteraskan Ahli Sunnah Waljamaah, yang menjadi warisan Rasulullah SAW, sahabat dan tabiin, serta mengikutinya daripada kalangan *Asyairah Maturidiah*. Jagalah hubungan dengan Allah SWT dan sesama manusia. Makmurkan rumah-rumah Allah dengan istiqamah mengerjakan ibadah, terutama solat fardu berjemaah. Perbanyak selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَتَّبِعُهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلَوَاتُهُ وَسَلَامُهُ تَسْلِيمًا.  
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ  
عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ  
حَمِيدٌ مَحِيدٌ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ<sup>8</sup>، وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ  
وَالْأَفْوَى بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَاجْعَلْ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ وَالْحِكْمَةَ، وَثِبِّتْهُمْ عَلَى مَلَةِ رَسُولِ اللَّهِ<sup>7</sup>.  
اللَّهُمَّ أَعِزِّ الإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ وَانْصُرْ إِخْوَانَنَا وَأَخْوَاتِنَا وَأَطْفَالَنَا فِي فِلَسْطِينَ، وَاحْفَظْ  
أَهْلَهَا وَانْصُرْ جُنُودَهَا وَدَمِرْ أَعْدَائَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

**Ya Allah! Ya Rabbal 'alamin** Tautkan hati kami untuk menjadikan masjid sebagai tempat yang paling kami sukai, untuk kami berasa lapang dan senang mengunjungi dan beriktitaf di dalamnya. Bimbing hati kami untuk sentiasa melangkahkan kaki mengimarahkan masjid. Kurniai para pentadbir masjid sifat ketekunan, keikhlasan,

<sup>4</sup> Memuji Allah

<sup>5</sup> Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

<sup>6</sup> Pesan Taqwa

<sup>7</sup> Ayat Al-Quran

<sup>8</sup> Doa untuk Kaum Muslimin



ketabahan dan kesabaran serta ilham untuk membangunkan masjid sebagai pusat masyarakat.

**Ya Mannan! Ya Razzaq!**, berkatilah hamba Mu yang melaksanakan zakat, wakaf dan sedekah. Kurniai mereka rezeki berlipat ganda, sucikanlah harta dan jiwa mereka; jauhi golongan *fuqara* dan *masakin* daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.

**Ya Aziz! Ya Qahhar!** Lindungi Masjid al-Aqsa daripada dimusnahkan oleh rejim Zionis Israel dan limpahi ihsan Mu membela dan mengurniakan kemenangan kepada rakyat di bumi Palestin yang sedang menderita kerana perbuatan zalim rejim Zionis Israel dan sekutunya.

**Ya Mu'min! Ya Muhaimin!** Jauhi kami daripada kemurkaan Mu; jauhi kami daripada termasuk dalam kalangan orang-orang yang terhalang mendapat nikmat Mu; jauhi kami daripada kesengsaraan, bencana dan malapetaka. Jauhi kami daripada kejahilan dan kezaliman. Limpahi rahmat Mu agar negara kami berada dalam keadaan selamat dan makmur, rakyatnya hidup dalam suasana aman dan muhibah.

**Ya Maalikal Mulk!**, Lantiklah untuk urusan kami, orang-orang yang terbaik dalam kalangan kami. Jangan Engkau lantik untuk urusan kami, orang-orang yang terburuk dalam kalangan kami. Hindari negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah; serahkan tanggungjawab pimpinan dan pengurusan negara kami kepada kalangan hamba Mu yang amanah lagi ikhlas, serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan hukum.

**Ya Muiz! Ya Adzhiim! Ya Kabiir!**, kurniakanlah taufik dan hidayah Mu terhadap raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

**رَبَّنَا إِنَّا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةٌ وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةٌ وَقَنَا عَذَابَ النَّارِ**  
**عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ**  
**وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَدْكُرُكُمْ، وَاسْكُرُوهُ عَلَىٰ**  
**نِعْمَهِ يَرِدُكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَاذْكُرُ اللَّهَ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.**